

15 DEC 1999
Mahathir-Kabinet
MESYUARAT PERTAMA KABINET BARU

PUTRAJAYA, 15 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempengerusikan mesyuarat pertama kabinet baru di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Pada 9.30 pagi, sebelum mesyuarat bermula, Dr Mahathir dan jemaah menteri-nya menghadiri sesi bergambar di luar pintu masuk ke Jabatan Perdana Menteri.

Kabinet yang meliputi 28 portfolio itu mengandungi sembilan menteri baru.

Mereka ialah Tan Sri Bernard Dompok dan Datuk Rais Yatim, kedua-duanya Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Fong Chan Onn (Sumber Manusia), Datuk Ong Ka Ting (Perumahan dan Kerajaan Tempatan), Datuk Nazri Abdul Aziz (Pembangunan Usahawan), Datuk Hishammuddin Tun Hussein (Belia dan sukan), Datuk Effendi Norwawi (Pertanian), Datuk Azmi Khalid (Pembangunan Luar Bandar) dan Tan Sri Musa Mohamad (Pendidikan).

Semalam Dr Mahathir mengetuai semua menteri mengangkat sumpah memegang jawatan, taat setia dan menyimpan rahsia di hadapan Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Aziz Shah di Istana Negara.

Musa, bekas naib Canselor Universiti Sains Malaysia yang tidak bertanding pada pilihan raya umum lepas, dan Datuk Dr Abdul Hamid Othman, yang tewas di Sik, mengangkat sumpah sebagai senator Isnin lepas bagi membolehkan mereka memegang jawatan menteri.

Abdul Hamid dilantik semula sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Dr Mahathir yang juga pengerusi Barisan Nasional, mengumumkan senarai kabinetnya Jumaat lepas.

Pada pilihan raya umum ke 10 pada 29 Nov lepas, BN memenangi 148 daripada 193 kerusi parlimen.

Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali turut menghadiri mesyuarat hari ini.

-- BERNAMA
ES MAI